



# **KENYATAAN MEDIA**

## **JABATAN PEGUAM NEGARA IALAH BADAN PERUNDANGAN NEGARA YANG BEBAS, ADIL DAN SAKSAMA**

Jabatan Peguam Negara menafikan tohmahan yang menyatakan bahawa Jabatan ini telah bertindak mengikut arahan dan pengaruh daripada beberapa pihak luar.

Jabatan ini ingin menegaskan bahawa apa-apa tindakan yang diambil oleh Peguam Negara selaku penasihat undang-undang utama Kerajaan Persekutuan serta pegawai-pegawai Jabatan Peguam Negara dibuat mengikut pertimbangan yang bebas, telus dan teliti mengikut lunas undang-undang dan kuasa yang diperuntukkan oleh undang-undang.

Pegawai-pegawai yang berkhidmat di Jabatan Peguam Negara ialah anggota perkhidmatan kehakiman dan perundangan dan berdasarkan Perkara 138 Perlembagaan Persekutuan adalah tertakluk kepada bidang kuasa Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan (SPKP). Hal-hal seperti pelantikan dan kenaikan pangkat pegawai undang-undang adalah di bawah kuasa SPKP yang menjalankan fungsinya dengan telus dan bebas, tanpa dipengaruhi oleh mana-mana pihak.

Jabatan Peguam Negara amat memandang serius akan sebarang kenyataan yang mempertikai integriti Jabatan ini selaku sebuah institusi perundangan negara yang sentiasa mendukung prinsip Kedaulatan Undang-Undang dan Bertekad Menegakkan Keadilan.

**JABATAN PEGUAM NEGARA**

**12 FEBRUARI 2018**